

Arahan : Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh **empat** pilihan jawapan.. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang tepat atau yang paling sesuai.

- 1 Tujuan perniagaan adalah untuk
 - A meningkatkan taraf hidup
 - B menawarkan barang dan perkhidmatan
 - C memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
 - D memastikan perniagaan dapat beroperasi lebih lama

- 2 Perniagaan manakah yang merupakan milikan tunggal?
 - A Kedai Runcit Ali
 - B Restoran Syed dan Sheikh
 - C Koperasi Kg Rebana Berhad
 - D Syarikat JAZZ Sendirian Berhad

- 3 Maklumat berikut menunjukkan bentuk pemilikan perniagaan.




Antara berikut, yang manakah benar tentang bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- I Kadar bayaran cukai syarikat adalah rendah
 - II Semua pemegang saham menanggung liabiliti yang tidak terhad
 - III Bilangan ahli yang dibenarkan adalah antara dua orang hingga 50 orang.
 - IV Milik saham hanya boleh dipindah selepas mendapat kebenaran ahli lembaga pengarah
- | | |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |
- 4 Manakah yang boleh digolongkan sebagai perniagaan bersaiz kecil?
 - A Kilang pakaian
 - B Kedai kek dan biskut
 - C Loji penapisan minyak
 - D Pengeluaran ubat-ubatan

 - 5 Aktiviti perniagaan antarabangsa dijalankan
 - A antara penduduk luar negara.
 - B antara satu negara dengan negara lain.
 - C antara penduduk dalam negara
 - D dalam sempadan sesebuah negara.


- 6 Pernyataan manakah berkaitan dengan peranan Bank Negara Malaysia?
 I Memberikan pinjaman jangka panjang kepada perniagaan
 II Menyediakan pelbagai perkhidmatan penerimaan wang
 III Mengawal selia sistem pembayaran negara
 IV Memantau dan mengawal keadaan ekonomi.
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
- 7 Agensi kerajaan manakah yang terlibat dalam pemberian bantuan kewangan kepada para peniaga ?
 A MARA C FELDA
 B MARDI D SIRIM
- 8 Rajah menunjukkan keadaan trend persekitaran sebuah perniagaan.



Apakah faktor luaran yang menyebabkan keadaan demikian berlaku?

- A Pekerja kurang bermotivasi
 B Keadaan ekonomi semakin lembab
 C Strategi pemasaran yang kurang berkesan
 D Kos pengeluaran semakin meningkat.
- 9 Rajah menunjukkan trend persekitaran pertumbuhan ekonomi.


Kadar Pertumbuhan



Apakah kesan jangka masa panjang keadaan X kepada ekonomi negara?

- A Permintaan terhadap barangan meningkat
 B Wujud lambakan produk dalam negara
 C Kuasa beli pengguna meningkat
 D Pengangguran berkurangan

- 10 Bagaimanakah pihak Bank Negara Malaysia mengatasi masalah inflasi?
A Mengurangkan kadar faedah simpanan tetap
B Meningkatkan kadar faedah pinjaman kewangan
C Menambat nilai mata wang negara
D Menggalakkan pengeluaran produk secara besar-besaran
- 11 Rajah berikut menunjukkan elemen dalam campuran pemasaran.



Apakah **P**?

- A Kos
B Jualan
C Promosi
D Belian
- 12 Situasi berikut berkaitan pengambilan sumber manusia.

Encik Masnawi menggaji Noraini yang baru sahaja menamatkan pelajarannya di salah sebuah universiti tanahair dalam bidang perakaunan sebagai seorang kerani.

- Apakah kekurangan pengambilan sumber manusia tersebut?
A Kos merekrut yang tinggi
B Tidak membawa idea baharu
C Tidak perlu program induksi
D Pengetahuan stereotaip
- 13 Apakah maksud visi perniagaan?
A Pencapaian sesebuah organisasi
B Tujuan penubuhan organisasi
C Motivasi bertulis pekerja
D Matlamat jangka masa panjang yang ingin dicapai organisasi

- 14 Rajah menunjukkan publisiti di sebuah akhbar.



Apakah objektif syarikat yang mendorong kepada pengiktirafan tersebut?

- A Menyediakan perkhidmatan penerbangan ke negara-negara Eropah dua kali seminggu
 - B Memastikan pengurusan pentadbiran syarikat diiktiraf 5 bintang
 - C Memberikan harga tiket 10% lebih murah berbanding syarikat lain
 - D Menukar pesawat setiap 10 tahun sekali
- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan penetapan Q.

Q {

- Menerangkan aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan
- Menjadi garis panduan menilai keperluan setiap unit dan bahagian organisasi

Apakah Q?

- A Visi
 - B Misi
 - C Objektif
 - D Sasaran
- 16 Antara yang berikut, faktor dalaman manakah yang mempengaruhi perubahan objektif perniagaan?
- I Pekerja syarikat memerlukan latihan untuk meningkatkan kemahiran
 - II Syarikat berjaya memperkenalkan teknologi baharu dalam operasi pengeluaran
 - III Keadaan ekonomi yang meleset telah memberi kesan kepada jualan syarikat
 - IV Kos operasi syarikat meningkat kerana undang-undang baharu diluluskan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 17 Apakah maksud bahagian fungsian?
- A Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk seluruh organisasi
 - B Bahagian yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk seluruh organisasi
 - C Bahagian yang mempunyai fungsi umum untuk bahagian tersebut
 - D Sebahagian dalam organisasi perniagaan yang mempunyai tanggungjawab khusus untuk bahagian tersebut

- 18 Pernyataan yang manakah berkaitan tujuan bahagian fungsian sumber manusia?
- A Menjawab pertanyaan pelanggan
 - B Memastikan bahan mentah untuk pengeluaran mencukupi
 - C Memastikan organisasi mempunyai pekerja yang berkemahiran
 - D Menyediakan pakar untuk memberikan maklumat mengikut kehendak pelanggan


- 19 Maklumat menunjukkan peranti teknologi maklumat dan komunikasi.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Komputer Riba• Telefon• Mesin Faksimili |
|---|

Apakah peranan peranti tersebut dalam fungsian sumber manusia?

- A Menjimatkan masa
 - B Tidak perlu melatih pekerja
 - C Mengurangkan penggunaan buruh
 - D Memudahkan penilaian data perniagaan
- 20 Pernyataan manakah menunjukkan tentang interaksi antara perniagaan kecil dengan perniagaan besar dalam bahagian fungsian jualan?
- A Perniagaan besar membantu perniagaan kecil menjual produk
 - B Perniagaan besar menghasilkan barang yang diinginkan oleh perniagaan kecil
 - C Perniagaan kecil akan menghubungi perniagaan besar bagi meluaskan pasaran
 - D Perniagaan kecil akan menghubungi perniagaan besar untuk mempelajari cara-cara menguruskan kewangan.
- 21 Pernyataan yang manakah menunjukkan maksud sebenar pengurusan sumber manusia?
- A Satu usaha mengenal pasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
 - B Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja organisasi secara cekap
 - C Aktiviti melatih pekerja baru untuk mencapai matlamat jangka pendek organisasi
 - D Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi
- 22 Mengapakah pemberian insentif yang munasabah kepada pekerja penting bagi sesebuah organisasi?
- I Menjamin kesetiaan pekerja
 - II Dapat meningkatkan imej syarikat
 - III Dapat meningkatkan motivasi pekerja
 - IV Dapat meningkatkan kreativiti pekerja
- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan III | D III dan IV |

- 23 Mengapakah jenis kemahiran keboleherjaan amat penting bagi seorang bakal graduan?
- A Majikan berminat menawarkan kerja
 B Dapat merancang dan mengurus diri
 C Dapat berkomunikasi dengan berkesan
 D Mampu untuk menyelesaikan masalah
- 24 Antara yang berikut, yang manakah merupakan jenis sumber teknologi?
- I Lesen perisian
 II Peralatan kilang
 III Kemahiran dan pengalaman
 IV Pendidikan dan latihan
- A I dan II C II dan III
 B I dan III D II dan IV
- 25 Rajah berikut merupakan prosedur mengurus sumber teknologi.



- Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur yang betul bagi T?
- A Hak cipta Terpelihara
 B Penyelenggaraan
 C Keselamatan
 D Insurans
- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan di sebuah organisasi.

- Reka cipta yang belum dicipta oleh pihak lain
- Prosedur yang belum dicipta oleh mana-mana pihak
- Berpotensi untuk dimanfaatkan oleh semua pihak

- Apakah yang berkaitan dengan aktiviti tersebut?
- A Paten
 B Hak cipta terpelihara
 C Perlindungan insurans dan keselamatan
 D Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

27 Gambar menunjukkan kemudahan aplikasi teknologi dalam perniagaan.



Apakah kesan aplikasi tersebut kepada perniagaan?

- A Meningkatkan hasil perniagaan
- B Meningkatkan kepuasan pelanggan
- C Meningkatkan pengambilan pekerja
- D Meningkatkan perbelanjaan pengurusan

28 Maklumat berikut berkaitan sumber pembiayaan luaran.

- Untuk pemegang akaun semasa
- Faedah dikenakan mengikut jumlah wang yang dikeluarkan

Apakah sumber pembiayaan yang dimaksudkan?

- A Sewa beli
- B Pinjaman
- C Overdraf
- D Ar-Rahnu

29 Manakah kelemahan sumber pembiayaan luaran daripada bank atau institusi kewangan?

- A Modal terhad
- B Jumlah pinjaman yang terhad
- C Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
- D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

30 Gambar berikut menunjukkan suatu jenis bank.



Antara yang berikut, dokumen yang manakah diperlukan semasa membuat permohonan pembiayaan daripada bank berkenaan?

- I Salinan bil utiliti
 - II Lesen perniagaan
 - III Salinan kad pengenalan
 - IV Salinan lesen pihak berkuasa tempatan
- A I dan II C II dan III
B I dan III D II dan IV

31 Apakah maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan?

- I Potensi perniagaan
 - II Keuntungan perniagaan
 - III Kelemahan perniagaan
 - IV Kedudukan ekuiti perniagaan
- A I dan II C II dan III
B I dan III D II dan IV

32 Maklumat berikut berkaitan dengan sebab pihak berkepentingan memerlukan penyata kewangan.

- Mengukur dan menganalisis kedudukan kewangan
- Mengukur keuntungan semasa
- Mengukur potensi perniagaan pada masa hadapan

Siapakah pihak berkepentingan tersebut?

- A Pembiaya
- B Pelabur
- C Pemegang Saham
- D Pelanggan

33 Mengapakah analisis titik pulang modal (TPM) sangat penting kepada sesebuah perniagaan?

- A Menjamin keberuntungan perniagaan
- B Memastikan produk yang dijual disukai ramai
- C Memastikan sesebuah perniagaan itu berdaya saing
- D Membolehkan peniaga merancang pengeluaran untuk memperoleh keuntungan sasaran.

34 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian Puan Maznah Binti Rosman.

Puan Maznah Binti Rosman mempunyai keyakinan untuk menghadapi ketidakpastian membuat keputusan dan mengambil tindakan mengembangkannya.

Apakah ciri-ciri keperibadian tersebut?

- A Fleksibel
- B Berdikari
- C Semangat sepasukan
- D Berani untuk gagal

35 Antara berikut, yang manakah kelebihan berniaga sebagai kerjaya?

- I Peluang kerjaya
 - II Matlamat peribadi
 - III Objektif kemasyarakatan
 - IV Keberuntungan perniagaan
- A I dan II C II dan III
B I dan III D II dan IV

- 36 Perniagaan manakah yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A Ismail Enterprise
 - B Berjaya Berhad
 - C Koperasi SMK Buloh Kasap Berhad
 - D Segar Mekar Sendirian Berhad
- 37 Antara berikut, yang manakah merupakan dokumen pembelian?
- I Penyata bank
 - II Invois
 - III Bil tunai
 - IV Memo
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38 Nyatakan kepentingan pemasaran kepada sesebuah organisasi perniagaan?
- A Melicinkan proses pengeluaran
 - B Menjaga kebajikan masyarakat
 - C Memaksimumkan pilihan pengguna
 - D Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan
- 39 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan rancangan perniagaan?
- A Dokumen yang menerangkan masa depan perniagaan
 - B Dokumen yang menerangkan visi, misi dan objektif perniagaan
 - C Dokumen yang merupakan pelan induk perniagaan yang akan dijalankan
 - D Dokumen yang membandingkan prestasi perniagaan sebelum dan selepas beroperasi dalam pasaran
- 40 Apakah yang perlu disediakan oleh usahawan untuk membuktikan keupayaan perniagaan membayar balik pinjaman dalam rancangan kewangan bagi rancangan perniagaan?
- A Penyata Aliran Tunai
 - B Penyata Untung Rugi
 - C Kunci Kira-kira
 - D Titik Pulang Modal

KERTAS SOALAN TAMAT